

Tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) UPSI terhadap program-program untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

Level of knowledge of UPSI Bachelor's Degree Students Regarding programs for Students with Special Educational Needs

Nurul Fatihah Ahmad¹, Hishamuddin Ahmad¹, Ummul Habibah Ahmad Tarmizi¹, Elly Mazlin Sutrisno¹, Nur Nadjihah Abd Razak¹, Nur Amira Syafiqah Mohamad Zamri¹, Nurizati Edana Abdullah Sani¹, Nadia Fitri Matali¹, Norbialin Peturus¹, Mohd Nazrie Abdul Taib¹ & Aniq Arif Ngah^{2*}

¹Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

²Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: blackmoster45@gmail.com

Published: 18 April 2024

To cite this article (APA): Ahmad, N. F., Ahmad, H., Ahmad Tarmizi, U. H., Sutrisno, E. M., Abd Razak, N. N., Mohamad Zamri, N. A. S., Abdullah Sani, N. E., Matali, N. F., Peturus, N., Abdul Taib, M. N., & Ngah, A. A. (2024). Tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) UPSI terhadap program-program untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 94–105. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.9.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.9.2024>

ABSTRAK

Setiap manusia dilahirkan dengan pelbagai kelebihan dan keunikan yang tersendiri termasuk manusia yang mengalami kelainan upaya daripada manusia normal yang lain. Kelainan upaya perlu dikesan dengan lebih awal supaya intervensi awal mahupun keperluan pendidikan terutamanya dapat disediakan dengan lebih terperinci dan lengkap. Keperluan pendidikan termasuk penyediaan fasiliti yang sesuai untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas yang berbeza kemampuan disamping mempersiapkan bakal guru yang berilmu pengetahuan luas mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji dua objektif utama iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda UPSI terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dan mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda UPSI terhadap program-program yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan pendidikan murid ini. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif yang menasarkankan 30 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda UPSI melalui medium *google form*. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda UPSI terhadap kedua-dua objektif berapa pada tahap sederhana dan tinggi terutama sekali berkaitan kewujudan program-program untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas seperti Program Pendidikan Inklusif (PPI) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Namun, usaha mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran bakal guru terhadap pendidikan kepada murid yang berkeperluan khas perlu dijalankan secara berterusan demi memastikan murid yang berkeperluan pendidikan khas mendapat pendidikan yang sama rata dengan murid lain.

Kata Kunci: Program Pendidikan Inklusif (PPI), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), Pengetahuan, Bakal Guru

ABSTRACT

Every human being is born with various advantages and uniqueness of their own, including humans who experience disabilities from other normal humans. Disability needs to be detected early on a person so that early intervention or educational needs especially can be provided in more detail and complete. Educational needs include the provision of suitable facilities for students with special needs of different abilities in addition to providing prospective teachers with extensive knowledge about students with special needs. Therefore, this study was conducted to see the level of knowledge of undergraduate students of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) about students with special educational needs. In this study, the researcher wants to examine two main objectives, namely to identify the level of knowledge of UPSI bachelor's degree students about students with special needs and to identify the level of knowledge of UPSI bachelor's degree students about the programs created to meet the needs of students with special needs. The study was conducted using a quantitative method targeting 30 UPSI undergraduate students through the medium of google form. The results of the study show that the level of UPSI undergraduate students' knowledge of both objectives is at a medium and high level, especially in relation to the existence of programs for students with special educational needs such as the Inclusive Education Program and the Special Integration Program. However, efforts to improve the knowledge and awareness of prospective teachers regarding education for students with special needs must be carried out continuously to ensure that students with special education needs receive equal education with other students.

Keywords: *Inclusive Education Program, Special Integration Education Program, Pupils with special educational needs, Knowledge, Prospective Teachers*

PENGENALAN

Keunikan dan kelebihan seseorang adalah berdasarkan kesempurnaan dimana ia dikatakan sebagai cukup sifat fizikal tubuh badan. Namun, terdapat juga insan yang kurang bernasib baik kerana mempunyai masalah tertentu yang dipanggil sebagai orang kelainan upaya (OKU). Terdapat Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang seringkali dilihat mempunyai tingkah laku atau ketidakupayaan seperti manusia biasa dan berbeza dengan murid yang lain. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) (2013), Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ertinya ialah kanak-kanak yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal dan masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan dan masalah yang telah dinyatakan.

Menurut Chua (1982), Pendidikan Khas merujuk kepada pendidikan bagi kanak-kanak luar biasa iaitu kanak-kanak yang daripada segi intelek, fizikal, sosial atau emosi, tidak mencapai pertumbuhan dan penyuburan biasa hinggakan mereka tidak mendapat faedah sepenuhnya daripada rancangan sekolah biasa. Pengurusan dan kawalan untuk kanak-kanak ini sememangnya berbeza dan memerlukan para pendidik yang berpengetahuan dan berkebolehan dalam menguruskan kanak-kanak atau murid yang kelainan upaya ini. Pendidik bukan sahaja perlu mengetahui mengenai Pendidikan Khas malah perlu mempraktikkan gaya pengajaran yang sesuai dengan kemampuan setiap murid kelainan upaya ini.

Pihak yang bertanggungjawab telah mengambil inisiatif dalam menyediakan fasiliti bagi pendidikan yang khas untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di tiga jenis sekolah yang berbeza. Sekolah-sekolah yang dimaksudkan adalah termasuk Sekolah Pendidikan Khas, sekolah arus perdana yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) pada peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah atau pendidikan lepas menengah.

Oleh itu, pelbagai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan perlu disokong dan dijalankan oleh guru-guru yang bersedia untuk memberi khidmat terbaik dalam mendidik anak bangsa. Sebagai pemangkin perubahan, guru mempunyai amanah dan tanggungjawab yang besar dalam mendidik supaya mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran murid dengan cara yang sesuai dengan kemampuan yang berbeza. Bakal guru yang terbaik haruslah cakna dan prihatin mengenai murid yang memerlukan pendidikan khas serta program-program yang diwujudkan untuk

kesempurnaan pendidikan mereka supaya bakal guru lebih bersedia dan komited terhadap apa jua keadaan yang mendatang semasa menjalankan tugas kelak.

SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Amin, N. M. & Yasin, M. H. M. (2016) berkaitan pendidikan inklusif ialah salah satu kajian lepas yang menyatakan bahawa Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan satu program yang ditawarkan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) untuk belajar bersama-sama rakan mereka yang tipikal di dalam bilik darjah yang sama dan sekolah yang sama bagi menikmati semua kemudahan belajar dalam keadaan normal tanpa mengira kaum, latar belakang, status ekonomi dan ketidakupayaan. Matlamat utama pelaksanaan PPI adalah bagi membolehkan MBK terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti berunsur sosial dan akademik di sekolah dan di dalam komuniti dengan memberi ruang dan peluang kepada semua murid. Pelaksanaan PPI juga memberi hak kepada semua murid termasuk murid berkeperluan khas untuk mendapat pendidikan.

Perkara ini juga disokong oleh Norfishah et al. (2018) dimana negara Malaysia telah memberi satu komitmen untuk melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI) iaitu salah satu usaha untuk memastikan semua murid mendapatkan pendidikan di negara kita termasuklah murid berkeperluan khas. Pendidikan inklusif telah dicipta khas untuk murid yang mempunyai keperluan pendidikan khas untuk belajar bersama-sama dengan murid arus perdana (Norfishah et al., 2018).

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas yang diberi gelaran sebagai MBPK terdiri daripada kalangan murid yang berada di bawah program bidang Pendidikan Khas. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas ini sememangnya layak mendapat pendidikan seperti murid di aliran perdana. Menurut Tan Wei Qian & Kahirul Farhah (2023), pendidikan yang menyeluruh daripada aspek intelek dan kerohanian perlu dipupuk sejak kecil lagi supaya dapat mewujudkan insan yang bukan sahaja berintelekt tinggi bahkan juga mempunyai akhlak yang mulia dan mampu untuk menghadapi cabaran globalisasi dengan sebaik mungkin. Hal yang demikian, setiap kanak-kanak wajar diberikan pendidikan sejak di awal usia oleh ibu bapa mereka tidak kira apa jua keadaan.

Menurut Naagarobini B. Mathiyalagan & Hasnah Toran (2023), Kementerian Pendidikan Malaysia amat komited dalam memastikan pendidikan yang adil dan seimbang untuk semua warganegara Malaysia. Oleh itu, terdapat pelbagai inisiatif serta program yang diwujudkan demi memberikan pendidikan yang terbaik dan berkesan untuk kanak-kanak yang berada dalam golongan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas ini seperti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan juga Program Pendidikan Inklusif (PPI).

Peningkatan potensi diri turut memerlukan seseorang individu itu untuk memberi fokus ke atas proses interaksi sosial antara dua pihak misalnya guru dengan murid dimana ianya memberi satu makna hasil daripada interaksi yang melibatkan pengalaman serta idea mereka (Nazrah Jamaludin & Kama Shaffeei, 2023). Justeru itu, pelajar yang berada dalam bidang pendidikan ini wajar mengambil tahu mengenai program-program yang diwujudkan bagi membantu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ini mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Nurzaimah Asasal, Sakinah Sidek & Haris Abd Wahab (2023) menyatakan bahawa pelajar perlu diberi latihan untuk bekerja secara langsung dengan Orang Kelainan Upaya (OKU) supaya mereka mampu mempraktikkan suasana yang sebenar terhadap golongan OKU. Menurut Nurzaimah Asasal, Sakinah Sidek & Haris Abd Wahab (2023) juga menyatakan bahawa kursus yang ditawarkan di universiti awam masih menjadikan pelajar kurang berpengetahuan tentang pelbagai kumpulan sasaran termasuk golongan OKU.

Kajian Norizan Mohd Tajuddin & Kama Shaffeei (2023) pula menegaskan bahawa sebagai seorang pendidik, tugas mereka bukan sahaja menguasai bidang yang akan disampaikan kepada pelajar namun sebagai seorang pendidik perlu memperolehi kemahiran serta sikap yang baik bagi melaksanakan program yang telah dirancang untuk pembangunan murid. Menurut Azima Abd Aziz & Suziyani Mohamad (2023), ilmu Pendidikan Khas perlu diketahui oleh semua lapisan masyarakat terutama khususnya para guru. Dengan ini, pelajar yang berada di Institusi Pengajian Tinggi yang mengikuti kursus perguruan perlu menguasai segala kemahiran dalam pelbagai aspek terutama sekali

emosi agar tidak janggal dalam menghadapi pelbagai situasi yang melibatkan murid yang berkeperluan khas.

Kesediaan merangkumi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dikaitkan dengan teori kesediaan oleh Thorndike (1913). Guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik agar dapat melaksanakan sesuatu program dengan berkesan (Suhaina & Mohd Mokhtar, 2018). Kesediaan boleh didefinisikan sebagai kesanggupan seseorang guru itu memikul tanggungjawab yang meliputi aspek seperti minat, sikap, pengetahuan, kemahiran dan amalan (Nur Hawa & Ghazali, 2018). Kajian oleh Fadilla dan Zamri (2019) membuktikan bahawa guru yang sentiasa bersikap positif akan turut menghasilkan impak yang positif terhadap hasil pembelajaran dan kemenjadian murid.

Perkara di atas juga disokong oleh Nurul Hidayah Liew Abdullah et al. (2021) dimana persediaan dan tahap pengetahuan sama ada terhadap sistem dan kemahiran Pendidikan Khas di Malaysia seseorang bakal guru Murid Berkeperluan Khas (MBK) juga perlu dipandang serius kerana pendidikan perguruan memainkan peranan yang sangat penting untuk pencapaian matlamat pendidikan sesebuah negara. Menurut Nurul Hidayah Liew Abdullah et al. (2021), pihak pengajian tinggi juga harus memandang serius mengenai pengetahuan bakal guru terutama guru pendidikan khas mengenai Pendidikan Khas di Malaysia. Hal ini demikian untuk memastikan kanak-kanak atau murid yang berkeperluan khas ini memperoleh ilmu pengetahuan yang sama rata seperti murid lain.

PERNYATAAN MASALAH

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) secara ringkasnya merujuk kepada murid yang memerlukan perhatian dan penjagaan yang berbeza berbanding murid yang lain kerana kemampuan dan tingkah laku yang berbeza berbanding dengan murid yang normal. Gargiulo (2003) mendefinisikan murid berkeperluan khas sebagai individu yang mempunyai kelainan daripada aspek norma standard sosial dan komuniti. Kelainan ini disebabkan oleh perbezaan yang ketara daripada segi fizikal, kognitif, sensori (deria) atau ciri-ciri tingkah laku. Kelainan yang dialami akan mempengaruhi gaya pendidikan yang diberikan kepada golongan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.

Akta OKU 2008 telah menyatakan bahawa kanak-kanak yang berkeperluan khas berhak memperoleh peluang pendidikan yang sama rata tanpa diskriminasi atau dikecualikan. Oleh itu, institusi pendidikan terutamanya sekolah berperanan penting bagi menyediakan sistem persekitaran dan aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas ini agar mereka dapat berkembang ke potensi yang maksima (Zalizan, 2009). Oleh itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan beberapa program yang dikhususkan untuk golongan MBPK seperti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menguji tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan terhadap program-program yang dilaksanakan di sekolah.

Meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KPM, namun pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru pelatih dalam program pendidikan guru pelatih masih belum mencukupi untuk mengajar murid yang berkeperluan khas (Toran, Westover, Sazlina, Suziyani dan Hanafi, 2016). Hal ini kerana, bakal guru yang berada dalam bidang Ijazah Sarjana Muda masih kurang didedahkan dengan pengetahuan mengenai keperluan pendidikan untuk murid yang berkeperluan khas khususnya daripada aspek strategi, pendekatan dan gaya pembelajaran. Kesannya, sesetengah murid yang memerlukan pendidikan dan bimbingan yang khas masih terumbang-ambing tanpa hala tuju dan diabaikan oleh kebanyakan guru di sekolah kerana sukar untuk dikawal dan diberi tunjuk ajar dengan cara yang sama seperti murid-murid biasa.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).
- ii. Mengetahui tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap program-program yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk soal selidik untuk mendapatkan maklumat daripada responden mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dan program-program yang dilaksanakan untuk murid-murid ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat kajian.

Sampel

Kajian ini berbentuk soal selidik, maka pengkaji menyasarkan 30 orang responden daripada program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Instrumen Kajian

Setiap soalan yang diberikan kepada responden adalah dalam bentuk set instrumen soal selidik. Kajian berbentuk soal selidik ini disediakan melalui medium *google form*. Penggunaan medium *google form* di dalam kajian ini adalah bertujuan bagi memudahkan penganalisis data untuk menganalisis peratusan dan kekerapan terhadap soalan-soalan yang akan dijawab oleh responden.

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu: Bahagian A yang meliputi maklumat demografi responden. Bahagian ini memerlukan responden untuk mengisi maklumat mengenai umur, jantina dan semester pengajian. Bahagian B pula mengandungi 16 soalan berkaitan definisi MBPK, program-program yang ditawarkan untuk MBPK serta kelebihan bagi program-program tersebut. Selain itu, terdapat juga soalan berbentuk aneka pilihan yang membolehkan responden untuk menguji kefahaman dengan lebih mendalam mengenai program-program yang disediakan untuk MBPK.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Peratus Skala Likert Mengikut Tahap

Peratus (%)	Interpretasi
1-30	Rendah
31-60	Sederhana
61-100	Tinggi

Dalam kajian ini, jumlah peratus 1 hingga 30 menunjukkan tahap yang rendah manakala peratus antara 31 hingga 60 menunjukkan tahap sederhana dan peratus 61 hingga 100 pula menunjukkan tahap yang tinggi.

Hasil Kajian

Dapatan demografi responden kajian ini melibatkan seramai 30 orang mahasiswa dan mahasiswi pelajar Ijazah Sarjana Muda UPSI. Hasil analisis data untuk bahagian demografi ini ditunjukkan dalam jadual 2 yang melibatkan umur, jantina dan semester pengajian pelajar.

Jadual 2: Demografi Responden Kajian

Bil.	Perkara	Kekerapan	Peratusan (%)	
1.	Umur	18-20 tahun	1	3.3
		21-23 tahun	27	90
		24-25 tahun	1	3.3
		26 tahun ke atas	1	3.3
2.	Jantina	Lelaki	4	13.3
		Perempuan	26	86.7
3.	Semester	1	3	10
		2	0	0
		3	5	16.7
		4	15	50
		5	3	10
		6	1	3.3
		7	3	10
		8	0	0

Jadual 2 menunjukkan analisis kekerapan dan peratus untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI terhadap program-program untuk MBPK. Majoriti responden kajian ini terdiri daripada pelajar perempuan iaitu 26 orang (86.7%) dan selebihnya ialah pelajar lelaki iaitu 4 orang (13.3%). Secara umumnya responden perempuan adalah lebih ramai daripada responden lelaki.

Responden kajian juga mempunyai peringkat umur yang berbeza. Kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah berumur 21 hingga 23 tahun iaitu seramai 27 orang (90%), dan selebihnya ialah pelajar berumur 18 hingga 20 tahun iaitu 1 orang (3.3%), 24 hingga 25 tahun, iaitu 1 orang (3.3%) dan 26 tahun ke atas berjumlah 1 orang (3.3%).

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar semester 1 hingga 8. Responden yang tertinggi terdiri daripada pelajar semester 4 iaitu seramai 15 orang (50%) dan selebihnya ialah pelajar semester 3 iaitu 5 orang (16.7), semester 1 sebanyak 3 orang (10%), semester 5 iaitu 3 orang (10%), semester 7 iaitu 3 orang (10%) dan akhir sekali semester 2 dan 8 tidak mempunyai wakil responden.

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Pelajar Ijazah Sarjana Muda UPSI Terhadap MBPK

Bil.	Item	Peratusan (%)	Tahap
1.	Apakah maksud bagi singkatan MBPK?	90	Tinggi
2.	Apakah kategori ketidakupayaan yang dialami oleh golongan MBPK?	60	Sederhana
3.	Apakah kategori ketidakupayaan yang akan ditempatkan di Sekolah Pendidikan Khas?	66.7	Tinggi
4.	Apakah jenis rancangan pengajaran yang digunakan untuk Sekolah Pendidikan Khas?	70	Tinggi
5.	Adakah strategi pengajaran yang digunakan untuk MBPK dapat memenuhi keperluan pelajar dengan kemampuan yang berbeza?	93.3	Tinggi
6.	Adakah anda setuju supaya MBPK mula menerima pendidikan pada peringkat Prasekolah?	96.7	Tinggi

bersambung

7.	Saya bersetuju bahawa kanak-kanak MBPK perlu mendapatkan pengetahuan yang sama rata dengan kanak-kanak normal.	96.7	Tinggi
8.	Tahap pengetahuan saya mengenai MBPK berada pada tahap yang sangat baik.	50	Sederhana

Jadual 3 menunjukkan peratusan bagi tahap pengetahuan pelajar ISMP UPSI terhadap MBPK. Peratusan keseluruhan ialah 77.93% iaitu berada pada tahap tinggi. Item yang memperoleh peratusan tertinggi ialah item 6 dan item 7 iaitu dengan peratusan sebanyak 96.7% manakala item 8 merupakan item yang paling rendah dengan nilai peratusan sebanyak 50%.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Pelajar ISMP UPSI Terhadap Program-Program Yang Ditawarkan Untuk MBPK

Bil	Item	Peratusan (%)	Tahap
1	Adakah anda sedar tentang kewujudan program-program khas untuk MBPK?	86.7	Tinggi
2	Tandakan program-program yang diwujudkan untuk MBPK.	50	Sederhana
3	Adakah program-program yang ditawarkan dapat membantu dalam meningkatkan tahap pendidikan MBPK?	100	Tinggi
4	Apakah kategori ketidakupayaan yang akan ditempatkan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ?	61.7	Tinggi
5	Apakah kriteria utama yang perlu ada pada MBPK untuk layak mengikuti Program Pendidikan Inklusif?	60	Sederhana
6	Apakah manfaat Program Pendidikan Inklusif diperkenalkan di Malaysia?	53.3	Sederhana
7	Apakah matlamat dan objektif utama Program Pendidikan Inklusif kepada MBPK?	90	Tinggi
8	Apakah kelebihan yang diperolehi oleh MBPK melalui program-program yang diwujudkan?	46.7	Sederhana

Jadual 4 menunjukkan peratusan yang tertinggi untuk soalan yang dijawab dengan betul bagi tahap pengetahuan pelajar ISMP UPSI terhadap program-program yang ditawarkan untuk MBPK. Peratusan keseluruhan ialah 100% iaitu berada pada tahap tinggi. Item yang memperoleh peratusan tertinggi ialah item 3 iaitu 100% manakala item 8 merupakan item yang paling rendah nilai peratusan iaitu 46.7%.

PERBINCANGAN

Pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) mengenai kewujudan dan keperluan pendidikan untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas yang setaraf dengan murid biasa haruslah berada pada tahap yang memuaskan. Hal ini supaya pelajar yang akan bergelar seorang guru kelak bersedia dengan kemungkinan yang akan berlaku semasa mereka mengajar di sekolah. Oleh itu, pelbagai pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta agensi luar giat melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti dengan berkemahiran dan berpengetahuan (Dashwini Selvam & Arzulyna Anal, 2022).

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji akan membincangkan dua aspek yang telah dikaji melalui soal selidik mengenai tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI terhadap murid-murid yang memiliki kelainan upaya dalam mendapatkan akses pendidikan yang sama dengan murid-murid normal. Aspek-aspek tersebut adalah daripada segi tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda UPSI mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dan tahap pengetahuan pelajar

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI mengenai program-program yang diwujudkan untuk keperluan pendidikan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

Bagi tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), dapatan kajian menunjukkan peratusan yang sangat baik mengenai pengetahuan responden terhadap maksud bagi singkatan MBPK iaitu 90%. Hal ini kemungkinan para pelajar ISMP sudah didedahkan dengan pengetahuan mengenai asas pendidikan khas melalui pelbagai sumber seperti artikel, surat khabar dan buku. Bagi pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan mengenai 7 kategori yang dialami oleh golongan MBPK menunjukkan bahawa ianya berada pada tahap yang sederhana kerana hanya 23.3% pelajar yang memilih bahawa ketidakupayaan pergerakan adalah antara kategori yang dialami oleh golongan MBPK sedangkan ia tidak termasuk dalam kategori ketidakupayaan. Menurut portal rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat 7 kategori orang kelainan upaya (OKU) yang boleh dipertimbangkan bagi pendaftaran sebagai OKU iaitu ketidakupayaan pendengaran, penglihatan, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental dan pelbagai. Walaubagaimanapun, terdapat 60% pelajar yang memilih ketidakupayaan penglihatan, pendengaran dan pertuturan disamping 56.7% pelajar yang memilih ketidakupayaan fizikal dan pembelajaran manakala ketidakupayaan mental dan ketidakupayaan pelbagai masing-masing mencatatkan sebanyak 33.3% dan 46.7%.

Sekolah Pendidikan Khas ditubuhkan bagi menempatkan golongan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas yang mengalami ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan untuk mendapatkan pendidikan dengan strategi dan kaedah yang sesuai dengan kemampuan mereka dimana guru-guru yang mahir dan berkebolehan dalam bidang pendidikan khas ditempatkan di sekolah ini bagi memberi perkhidmatan yang sempurna dan sebaik mungkin kepada murid kelainan upaya khususnya kepada yang mengalami ketidakupayaan pendengaran dan penglihatan. Menurut Muhammad Farhan et al. (2020), Pendidikan Khas adalah program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar khas. Dapatan kajian menunjukkan peratus yang melebihi separuh iaitu 50% dalam pemilihan jawapan ketidakupayaan pendengaran dan penglihatan bagi soalan berkaitan kategori ketidakupayaan yang akan ditempatkan di Sekolah Pendidikan Khas. Hal ini menunjukkan bahawa responden atau kumpulan sasar mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana mengenai kategori-kategori yang sesuai dengan sesuatu institusi atau program untuk golongan MBPK.

Pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI mengenai jenis rancangan pengajaran yang digunakan untuk Sekolah Pendidikan Khas berada pada tahap yang tinggi dimana sebanyak 70% responden memilih Rancangan Pengajaran Individu (RPI). Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah satu dokumen bertulis yang dirancang khusus untuk seseorang murid bagi mendokumentasikan segala pengubahsuaian dan penerapan ke atas program pembelajaran meliputi penilaian berterusan sebagai teras perancangan pendidikan dalam program pendidikan khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Namun, hanya 26.7% responden memilih Rancangan Pengajaran Aktiviti (RPA) dan selebihnya memilih Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT). Pelbagai strategi pengajaran yang digunakan untuk memastikan setiap murid yang memerlukan pendidikan khas mendapat keperluan mereka dalam pelbagai aspek. Menurut Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin (2021), kepelbagaian kaedah yang digunakan memberi kesan kepada aspek sosial golongan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas seperti meningkatkan keyakinan diri, bekerjasama, penyertaan bersama murid normal dalam aktiviti berpasukan, perkongsian idea dan sikap berdikari dapat dipupuk. Dapatan kajian telah mencatatkan sebanyak 93.3% responden yang bersetuju bahawa strategi yang digunakan untuk golongan ini dapat memenuhi keperluan pelajar dengan kemampuan yang berbeza dan 6.7% sahaja yang menganggap bahawa strategi ini tidak memenuhi keperluan pelajar yang memiliki kelainan upaya.

Dapatan kajian yang seterusnya adalah berkaitan pandangan atau pendapat responden mengenai golongan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Menurut portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kanak-kanak autisme boleh dikesan seawal usia 18 bulan, kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran boleh dikesan seawal usia 6 bulan dan usia yang sesuai untuk mengesan ketidakupayaan adalah 5 tahun dan ke atas. Oleh itu, persediaan pendidikan untuk kanak-kanak ini perlu dilaksanakan bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang sesuai sejak awal lagi. Terdapat 96.7% responden yang bersetuju untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas ini mula menerima pendidikan pada peringkat Prasekolah. Kemudian, sebanyak 96.7% responden bersetuju bahawa kanak-kanak ini perlu mendapatkan pengetahuan yang sama rata dengan kanak-kanak normal

selaras dengan objektif Program Pendidikan Inklusif. Kajian terhadap tahap pengetahuan responden mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas berada pada tahap yang sangat baik atau tidak baik turut dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa separuh daripada responden kurang setuju dengan tahap pengetahuan mereka mengenai keseluruhan maklumat mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas manakala 20% responden menyatakan bahawa mereka sangat setuju dengan tahap pengetahuan mereka berada pada tahap yang baik.

Seterusnya, kajian ini mengkaji aspek tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda UPSI terhadap program-program yang ditawarkan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Sebanyak 86.7% responden yang menyedari tentang kewujudan program-program khas ini. Perkara ini membimbangkan kerana 13.3% daripada mereka tidak menyedari perkara penting sebagai seorang bakal guru. Antara program-program yang ditawarkan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas ialah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Program Pendidikan Inklusif (PPI) dan Program Pendidikan Dalam Komuniti (PPDK). Bagi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI), terdapat 53.3% dan 46.7% responden yang mengetahui bahawa program tersebut adalah untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Namun, bagi Program Pendidikan Dalam Komuniti (PPDK), hanya 10% responden sahaja yang mengetahui bahawa program ini juga diwujudkan untuk yang mengalami Sindrom Down. Sebanyak 100% responden menganggap bahawa program-program yang ditawarkan dapat membantu dalam meningkatkan tahap pendidikan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Hal ini sangat memuaskan kerana sebagai seorang bakal guru, mereka perlu menyokong usaha kerajaan yang menyediakan pelbagai peluang kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas untuk memperolehi pendidikan yang seimbang dan seiring dengan murid arus perdana.

Selain itu, kajian ini juga menumpukan kepada kategori atau kriteria yang layak untuk menyertai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Kategori ketidakupayaan yang akan ditempatkan dalam PPKI diwujudkan melalui tiga peringkat. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) melalui Rancangan Percantuman bagi pendidikan kanak-kanak kurang upaya penglihatan di sekolah rendah dan menegah arus perdana yang terpilih mula diperkenalkan pada tahun 1962, seterusnya percantuman kurang upaya pendengaran pula diperkenalkan pada tahun 1963 dan pada tahun 1988 murid-murid peringkat rendah bermasalah pembelajaran pula dimasukkan ke dalam program ini. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 30% responden beranggapan bahawa ketidakupayaan pertuturan juga termasuk dalam kategori yang layak ditempatkan ke PPKI. Menurut Norramlah Ali dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021), murid kelainan upaya yang menduduki aliran perdana perlu ditempatkan di kelas mengikut tahap pencapaian murid tersebut dan menjalani tempoh percubaan minimum selama tiga bulan sekurang-kurangnya. Jadi, kriteria yang tepat dan layak ditempatkan pada Program Pendidikan Inklusif ialah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas yang mampu mengikuti kurikulum dan waktu pembelajaran bersama murid normal. Dapatan kajian mencatatkan sebanyak 60% dan berada pada tahap yang sederhana.

Dapatan ini juga mendapati bahawa pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI cakna berkenaan matlamat dan objektif utama Program Pendidikan Inklusif kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Hampir keseluruhan responden iaitu 90% memilih bahawa matlamatnya adalah untuk mengelakkan diskriminasi dan mewujudkan kesamarataan antara Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dengan murid normal dalam mendapatkan akses kepada pendidikan. Selain itu, seramai 16 daripada 30 orang responden yang mengetahui manfaat Program Pendidikan Inklusif iaitu memberi peluang kepada golongan istimewa untuk menjadi pelajar yang cemerlang di sekolah. Bagi kelebihan yang diperolehi oleh Murid Berkeperluan Pendidikan Khas melalui program-program yang diwujudkan pula ialah memberi peluang kepada golongan ini menimba pelbagai ilmu pengetahuan, membuka ruang untuk golongan ini mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti dan memberi peluang kepada golongan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas berdikari serta mendapat peluang pekerjaan. Terdapat 14 daripada 30 orang responden memilih ketiga-tiga kelebihan tersebut dan selebihnya memilih satu atau dua daripada ketiga-tiga pilihan kelebihan tersebut. Ini menunjukkan bahawa mereka mengetahui walaupun hanya satu kelebihan program-program yang diwujudkan untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dihuraikan bahawa tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI terhadap program-program untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas berada pada tahap sederhana dan tinggi. Kekeliruan pengetahuan terhadap Murid Berkeperluan

Pendidikan Khas dan program yang ditawarkan kepada mereka adalah mungkin disebabkan oleh pelajar semester 4 dan ke atas sahaja yang sudah didedahkan dengan maklumat berkaitan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas melalui subjek Pendidikan Inklusif. Sebagai bakal guru, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI perlulah menguasai subjek Pendidikan Inklusif ini sebagai satu persediaan ketika ditempatkan di sekolah yang mempunyai program-program untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas adalah pada tahap sederhana. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor bidang yang diambil oleh para pelajar di universiti. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas sudah pastinya akan diajar oleh guru Pendidikan Khas atau bidang yang diambil di universiti yang lebih dikenali sebagai Pendidikan Khas.

Malahan, dapatan kajian ini telah memberi implikasi kepada pelajar khususnya kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana terhadap program-program untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Jumlah peratusan keseluruhan adalah sebanyak 77.93% iaitu berada pada tahap tinggi. Berdasarkan soalan yang dijawab oleh 30 responden, terdapat segelintir pelajar yang masih menjawab dengan jawapan yang tidak tepat. Bagi item 2 daripada jadual 3, sebanyak 60% yang menjawab dengan betul dan 40% yang menjawab dengan jawapan yang tidak tepat. Melalui hasil dapatan kajian ini, masih ada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI yang belum mengetahui kategori ketidakupayaan yang dialami oleh golongan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Hal ini amat membimbangkan kerana ia akan menyukarkan bakal guru untuk mengesan ketidakupayaan dan menyukarkan mereka untuk mengimplementasi gaya pengajaran yang sesuai dengan kemampuan yang berbeza.

Manakala, pada item 5 daripada jadual 3 menunjukkan peratusan berada pada tahap yang tertinggi. Keseluruhan soalan untuk item 5 ini dijawab dengan betul. Menerusi soalan pada item 5 ini, tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI terhadap keberkesanan program yang ditawarkan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas berada pada tahap yang tinggi. Dengan adanya program-program yang ditawarkan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas ini, sudah tentu ia dapat meningkatkan kualiti murid-murid berkeperluan khas ini daripada satu liabiliti menjadi satu aset yang penting dan berguna kepada negara di mana mereka boleh menjadi modal insan yang gemilang untuk negara.

Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pelbagai pihak sebagai rujukan untuk melihat tahap kesedaran dan pengetahuan bakal-bakal guru mengenai maklumat-maklumat mengenai Pendidikan Khas yang sangat penting untuk diberi perhatian. Kajian ini dapat membantu pihak yang berkenaan kerana hasil dapatan ini didapati secara langsung dan didedahkan daripada pelajar-pelajar yang mengambil bahagian bidang pendidikan.

Selain itu, dengan adanya dapatan kajian ini turut membantu pihak universiti dalam meluaskan lagi tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Berdasarkan dapatan kajian pada item 8 daripada jadual 3, jumlah peratusan pelajar yang mengakui bahawa pengetahuan mereka mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas adalah sebanyak 50% manakala selebihnya masih kurang setuju dengan pernyataan itu. Item 8 mencatat peratusan yang rendah. Oleh itu, subjek Pendidikan Inklusif amat perlu dilaksanakan di mana-mana Institut Pengajian Tinggi bagi membantu mendedahkan kepada pelajar universiti mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas berada pada tahap sederhana dan tinggi. Tahap pengetahuan ini sudah memadai untuk para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UPSI menjadi bakal guru yang berpengetahuan di sekolah kelak. Walaubagaimanapun, usaha-usaha yang berterusan untuk menambah kualiti terhadap bakal guru perlulah lebih giat dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, tidak ramai guru-guru yang boleh mengurus murid kelainan upaya berbanding murid biasa. Pengetahuan mengenai program-program untuk murid yang berkeperluan khas sahaja tidak mencukupi malah perlu diberi latihan yang praktikal supaya bakal guru tidak berasa kekok dan sukar untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai ragam dan tingkah laku murid kelak.

Inisiatif yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membentuk satu komuniti kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dengan mendirikan pelbagai jenis sekolah menunjukkan kesungguhan untuk memberi peluang pembelajaran yang sempurna. Sekolah-sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) dapat menyediakan proses pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan mereka sepenuhnya. Bakal guru perlu menggunakan pelbagai kaedah dan mewujudkan persekitaran yang kondusif ketika sesi pembelajaran. Pengurusan tingkah laku yang cekap terhadap ragam murid yang berkeperluan khas sememangnya memerlukan kesabaran dan keyakinan tinggi serta membantu meningkatkan prestasi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dalam akademik, membentuk sikap positif dan dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar setelah tamat zaman persekolahan.

Pendidikan yang khas amatlah wajar dilaksanakan untuk murid yang kelainan upaya agar ianya serata dan saksama seperti murid-murid yang lain. Perkara ini menjadi satu aspek penting yang perlu diambil perhatian dan memberikan sokongan yang berterusan. Sokongan yang diberikan oleh pihak kerajaan, pihak sekolah dan masyarakat di negara ini amatlah memberi peluang kepada murid yang berkeperluan khas atau murid kelainan upaya untuk mengembangkan lagi potensi mereka dan dapat mencari peluang pekerjaan demi menyara kehidupan seperti manusia yang normal kelak.

RUJUKAN

- Ab Aziz, A., & Mohammad, S. (2023). Tahap Pengetahuan Guru Prasekolah Mengenai Autisme. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2), 236-250.
- Abdullah, N. H. L., Jamil, S. F. M., & Mukthar, M. I. (2021). Persepsi Bakal Guru Pendidikan Khas Terhadap Pendidikan Khas di Malaysia.
- Ali, N., & Nasri, N. M. (2021). Halangan yang Dihadapi oleh Guru Aliran Perdana dalam Melaksanakan Program Pendidikan Inklusif. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 74-82.
- Amin, N. M., & Yasin, M. H. M. (2016). Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. In *Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke* (Vol. 6).
- Asalal, N., Sidek, S., & Abd Wahab, H. (2023). Keperluan Golongan Profesional Terlatih Mengendalikan Golongan Orang Kurang Upaya di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 6(1), 143-155.
- Chian, L. K., & Mohamed, S. (2021). Tahap Pengetahuan Guru dalam Pelaksanaan Pendidikan Inklusif di Kelas Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 253-260.
- Fadilla Layang & Zamri Mahamod. (2019). Tahap Pengetahuan, Kesiediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37-44.
- Feng, L. H., & Tahar, M. M. (2023). Kecerdasan Emosi Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Masalah Pembelajaran di Melaka. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 75-87.
- Haris, H., & Khairuddin, K. F. (2021). Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 197-210.
- Jamaludin, N., & Shaffeei, K. (2023). Meneroka Cabaran Interaksi Sosial Guru Perdana dalam Pengajaran ke atas Murid Inklusif di Aliran Perdana. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 45-54.
- Mathiyalagan, N. R., & Toran, H. (2023). Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas dalam Pengurusan Sosioemosi Murid Autisme. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002151-e002151.

- Muhammad Farhan, M. F., Md Hamil, S., Azmi, N. N., Roslid, N. U., Zainal, N. N., Kamaruddin, N. B., Hamizi, N. I., Ismawi, N. Z., & Husin, M. R. (2020). Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 3(1), 1–10.
- Mokhtar, A. B., & Ali, M. M. (2021). Faktor Kejayaan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemik Covid-19: Tinjauan kepada Guru Pendidikan Khas di Selangor [Teaching and learning success factors during Covid-19 pandemic: An overview of special education teachers in Selangor]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(4), 140-151.
- Norfislah Mat Rabi, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Nor Aizal Akmal Rohaizad & Mohd Yusof Zulkefli. (2018). Readiness of Pre-service Teacher to Teach Student with Special Needs Through Inclusive Education Course. *International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development*, 7(4), 200-210.
- Othman, R. B. (2019). Sejarah. MOE. <https://www.moe.gov.my/pendidikan/khas/program-pendidikan-khas-integrasi/sejarah>
- Saad, S. (2005). Komitmen dan Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Pendekatan Pendidikan Inklusif di Malaysia. In Seminar Kanak-Kanak Bermasalah Emosi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.
- Selvam, D., & binti Anal, A. (2022). Special Education Teachers' Skills and Knowledge in Handling Students with Hearing Problems in Special Education Integration Program: Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Khas dalam Melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Masalah Pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(1), 19-28.
- Siti Fatimah Salleh, & Mustafa Che Omar. (2018) Masalah Pengajaran Guru Dalam Program Pendidikan Inklusif di Sekolah.
- Tajuddin, N. M., & Shaffeei, K. (2023). Kesiediaan Guru Pendidikan Khas dalam Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 1-14.
- Tan, W. Q., & Khairuddin, K. F. (2023). Penerimaan Guru Tadika Terhadap Kanak-Kanak Berkeperluan Khas di Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 710-724.